

**NO SOALAN :58****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM GUAN ENG  
(BAGAN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17.03.2015**

**Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [ BAGAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kenapa wang pelaburan 1MDB sebanyak USD2.32 bilion di Cayman Islands tidak dikembalikan kepada Malaysia serta pembelian tanah seluas 234 ekar di Air Itam, Pulau Pinang sebanyak RM1.38 bilion adalah 95% lebih tinggi daripada nilai tanah. Apakah faedahnya pembelian ini kepada 1MDB serta nyatakan rancangan pembangunan 1MDB.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Pelaburan 1MDB adalah di dalam dana yang diuruskan oleh pengurus dana yang berdaftar di bawah pengawasan badan kawal selia iaitu Cayman Monetary Authority. Dana 1MDB kemudian dilaburkan oleh pengurus dana di beberapa pasaran antarabangsa yang boleh memberikan pulangan terbaik.

2. 1MDB telah melabur sebanyak USD2.138 bilion dalam dana ini dan telah ditebus sepenuhnya dalam 2 *tranche*. Penebusan *tranche* pertama USD1.215 bilion telah digunakan untuk pembayaran faedah hutang, *working capital* dan lain-lain komitmen yang berjadual.

3. Melalui *tranche* kedua, sebanyak USD1.103 bilion, jumlah tersebut adalah dalam bentuk mata wang asing dan akan digunakan untuk memenuhi pembayaran balik beberapa pinjaman dalam mata wang asing yang dijadualkan untuk pembayaran tahun ini.

4. Berkenaan isu pembelian tanah di Pulau Pinang, tanah berkenaan telah dinilai oleh dua penilai bebas dan harga lingkungan RM100-RM200 sekaki persegi yang dibayar oleh 1MDB adalah berpatutan dan

berdasarkan kepada penilaian berkenaan. Tanah seluas 235 ekar tersebut terletak di tengah-tengah bandar Air Itam. Harga hartanah di kawasan tersebut juga telah menampakkan kenaikan yang tinggi sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Ini dicerminkan dalam harga yang dibayar oleh pemaju-pemaju lain yang membeli tanah di kawasan sekitar. Harga yang dibayar oleh pemaju-pemaju lain di kawasan sekitar adalah pada harga RM200 sekaki persegi.

5. Dalam rangka kajian strategik atau *strategic review* (dengan izin) IMDB yang diumumkan pada 18 Februari 2015, tanah di Pulau Pinang akan dimonetise (dengan izin) melalui projek usaha sama ataupun melalui penjualan.